

# FKAL UMSKAL terima lawatan pelajar UiTM Terengganu

VB 28.4.2019 Af

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima lawatan sambil belajar pensyarah dan pelajar Kelab L'Investisseur (Diploma Analisis Pelaburan) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun pada Khamis.

Ketibaan rombongan melibatkan dua pensyarah dan 25 pelajar itu disambut oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FKAL Dr Suzillah Sidek, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FKAL Dr Sarina Puasa serta Penolong Pendaftar Kanan FKAL Noraini Samsu.

Sejurus sesi bergambar, Suzilah dan Sarina

menyampaikan taklimat mengenai FKAL termasuk program dan kursus yang ditawarkan fakulti itu.

Sementara itu, Penasihat Kelab L'Investisseur Suhaily Maizan Abdul Manap berkata lawatan itu bertujuan mendedahkan pelajar kepada program yang ditawarkan di FKAL di samping aktiviti yang dijalankan oleh pelajar di fakulti itu.

"Lawatan julung kalinya ini juga mahu menjalinkan kolaborasi dengan FKAL dalam bidang yang sesuai.

"Mungkin juga ada ruang dan peluang pelajar kami untuk melanjutkan pelajaran ke FKAL pada masa hadapan," katanya ketika menyampaikan ucapan terima kasih kepada FKAL.

Rombongan turut dibawa melawat ruang FKAL dan

Aras 13 sambil menikmati pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain FKAL, pelajar terlibat turut mendengar taklimat di Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan FSA), Kompleks Ujana Kewangan Labuan.

Suhaily bersama seorang lagi pensyarah Nurul Syuhada Baharuddin mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan komitmen FKAL menjayakan program itu.

Sementara itu, Suzillah berkata Dekan FKAL Prof Madya Dr Zaiton Othman sentiasa mengalu-alukan lawatan dan kerjasama daripada pensyarah serta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara mahu pun luar negara ke FKAL.



SUZILLAH (kanan) dan Sarina (dua kanan) bersama pensyarah serta pelajar Kelab L'Investisseur UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun. Turut kelihatan Suhaily (enam kiri) dan Nurul Syuhada (tiga kanan).